

PM ulangi gesaan rakyat pulihara alam sekitar

Oleh HABIBAH OMAR
dan HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 15 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengulangi gesaan beliau supaya masyarakat melaksanakan kewajipan masing-masing dengan memulihara alam sekitar demi keceriaan, kesejahteraan dan kesihatan.

Perdana Menteri berkata, seruan itu juga selaras dengan prinsip Islam Hadhari yang menekankan aspek penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

"Sudah jadi satu kewajipan bahawa manusia perlu menghargai nikmat yang diberi Allah dan kita perlu melihat kepada faedah yang boleh diperolehi daripada alam sekitar.

"Ia bukan untuk keceriaan, kesejahteraan dan kesihatan sahaja malah merangkumi banyak nikmat lain," kata Abdullah ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Misi Membina Hijau anjuran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam

Malaysia (Puspanita) di sini hari ini.


Hadir sama ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Ir. Mohd. Zin Mohamed; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan dan Yang Dipertua Puspanita, Puan Sri Wan Noorlina Wan Hussin.

Kempen Misi Membina Hijau itu diadakan dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya dan dibantu ahli-ahli World Green Building Council.

Pembangunan yang dibangunkan di bawah misi itu mempunyai enam kriteria iaitu kemapanan tapak, penjimatan air, kecekapan tenaga, penjimatan sumber dan bahan, kualiti persekitaran dalaman dan inovasi dalam reka bentuk.

Menurut Perdana Menteri, alam sekitar perlu dipelihara namun malangnya ada manusia mengambil kesempatan memusnahkannya sehingga mendatangkan keburukan.

"Apa yang dilakukan kepada alam sekitar perlu menjadi satu pengajaran," katanya.



Abdullah hadir bacaan Yasin sempena 200 tahun PDRM

ULANG TAHUN PDRM... Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghadiri majlis bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat sempena sambutan 200 tahun Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Masjid Bukit Aman, malam tadi.

Majlis itu turut dihadiri Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharom; Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan; timbalannya, Datuk Mohd. Najib Abdul Aziz dan Panglima Angkatan Tentera

Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal. Pada majlis itu, Abdullah turut menerima pelan Islam Hadhari PDRM daripada Musa.

● **ABDULLAH** Ahmad Badawi, Mohd. Johari Baharom (kanan), Musa Hassan dan Abdul Aziz Zainal (kiri) membaca Yasin pada majlis bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat sempena sambutan 200 tahun pasukan polis di Masjid Bukit Aman, Kuala Lumpur, malam tadi.